



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RASIONALISME TANTHAI PERIYAAR DALAM PUISI TRADISIONAL TAMIL MALAYSIA

NEELAMALAR A/P TANGAKRISHNAN



05-45

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANAH SASTERA
(KESUSASTERAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA & KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar, menganalisis protes sosial dan menghuraikan pemikiran baharu yang terdapat dalam sembilan buah kumpulan puisi Tamil Malaysia. Kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks yang mengaplikasikan teori rasionalisme Tanthai Periyar digunakan dalam kajian ini. Kajian ini tertumpu pada rasionalisme Tanthai Periyaar iaitu diskriminasi kasta, kepercayaan kolot, hak pendidikan wanita, konsep janda, menafikan konsep Tuhan dan konsep martabat kendiri. Dapatkan kajian menunjukkan sebanyak 186 rangkap puisi tradisional Tamil Malaysia membincangkan tentang rasionalisme Tanthai Periyaar iaitu sebanyak 39% rangkap puisi membincangkan tentang kasta, 33% rangkap puisi membincangkan tentang kepercayaan kolot, 20% rangkap puisi membincangkan tentang martabat kendiri, 4% rangkap puisi membincangkan konsep menafikan Tuhan, 3% buah rangkap puisi membincangkan konsep janda, dan 1% buah rangkap puisi membincangkan tentang hak pendidikan wanita. Kesemua penyair mengemukakan protes sosial dan menyampaikan pemikiran baharu melalui puisi tradisional Tamil Malaysia yang dikaji. Kesimpulannya, puisi-puisi ini telah melahirkan kesedaran rasionalisme Tanthai Periyaar dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Implikasinya, puisi-puisi ini boleh dijadikan teladan dan panduan bagi semua lapisan masyarakat dalam kehidupan harian.





TANTHAI PERIYAAR RATIONALISM IN MALAYSIAN TAMIL TRADITIONAL POETRY

ABSTRACT

This study is aimed at identifying Tanthai Periyaar rationalism ideology, analysis social protest, and describe new thoughts in nine collection of Malaysian Tamil traditional poetry. Qualitative methods of research literature and analysis as well as the theory of rationalism Tanthai Periyaar used in this study. The frame work of this study is focused on Tanthai Periyaar's rationalism on caste discrimination, superstitious believes, women's educational right's, widow concept, atheism and self respect. Research finds 186 line collection of Malaysian Tamil traditional poetry describe about Tanthai Periyaarrationalism ideology. From this total, 39% line in the traditional Malaysian Tamil poetry is about caste, 33% line is about superstitious believes, 20% line about self respect, 4% line about atheism, 3% line about concept of widow's and 1% line about women's education. All the poets in this research adrocdated social protest and new thoughts through their traditional Malaysian Tamil poetry. In conclusion, all the poetry make society realize and understand Tanthai Periyaar rationalism ideologies. The implication is all this poetry can be used as guideline of daily living by people from all walk's of life.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
TRANSLITERASI	xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	25





1.5	Soalan Kajian	26
1.6	Kepentingan Kajian	26
1.7	Batasan Kajian	27
1.8	Sumber Kajian	29
1.9	Definisi Konsep	30
1.9.1	Rasionalisme	30
1.9.2	Tanthai Periyaar	32
1.9.3	Rasionalisme Tanthai Periyaar	34
1.9.4	Puisi Tradisional	34
1.9.5	Masyarakat Hindu	35
1.9.6	Masyarakat India	36
1.9.7	Masyarakat Tamil	36
1.10	Kesimpulan	38



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	39
2.2	Kajian-Kajian Lepas	41
2.2.1	Kajian Dalam Negara	41
2.2.2	Kajian Luar Negara	50
2.2.3	Jurnal	55





2.2.4	Buku	56
2.2.5	Prosiding	58
2.3	Kesimpulan	63

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	64
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Kerangka Kajian	66
3.4	Kaedah Kajian	67
3.4.1	Kaedah Kepustakaan	67
3.4.2	Kaedah Analisis Teks	68
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	68
3.6	Kaedah Analisis Data	69
3.6.1	Penelitian Data	69
3.6.2	Menganalisis Data	70
3.6.3	Pembahagian Data	70
3.7:	Teori Kajian	71
3.7.1	Teori Rasionalisme	71
3.7.2	Teori Rasionalisme Tanhai Periyaar	75
3.8	Kerangka Teori	78





3.9 Kesimpulan

79

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	80
4.2 Pemikiran Rasionalisme Tanthai Periyaar	81
4.2.1 Diskriminasi Kasta	84
4.2.1.1 Kasta Dalam Diri Individu	86
4.2.1.2 Kasta Dalam Keluarga	106
4.2.1.3 Kasta Dalam Sosial	116
i. Suasana Semasa Pengaruh Kasta	117
ii. Menyoal Isu Kasta	139
iii. Pemberian Cadangan	148
iv. Perubahan Dalam Isu Kasta	162
4.2.1.4 Kasta Dalam Agama	169
4.2.1.5 Kasta Dalam Politik	180
4.2.2 Pengamalan Kepercayaan Kolot	185
4.2.2.1 Kepercayaan Takdir	187
4.2.2.2 Kepercayaan Nasib	195
4.2.2.3 Kepercayaan Karma	202
4.2.2.4 Kepercayaan Nujum	205



**BAB 5 KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	345
5.2	Pemikiran Rasionalisme Tanthai Periyaar	346
5.3	Protes Sosial yang Terdapat Dalam Puisi Tradisional Tamil Malaysia	349



4.2.2.5	Kepercayaan Sihir	214
4.2.2.6	Kepercayaan Cerita-Cerita Mitos	215
4.2.2.7	Kepercayaan Pantang Larang	225
4.2.2.8	Kepercayaan Unsur-Unsur Agama	238
4.2.3	Hak Pendidikan Wanita	263
4.2.4	Konsep Janda	268
4.2.5	Menafikan Konsep Ketuhanan	276
4.2.6	Martabat Kendiri	290
4.2.6.1	Semangat Bahasa Ibunda	291
4.2.6.2	Sambutan Ponggal	306
4.2.6.3	Pengaruh Arya	320
4.2.6.4	Perkahwinan Martabat Kendiri	331
4.2.6.5	Amalan Sujud Kaki	338
4.2.6.6	Unsur Agama	341



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

5.4	Pemikiran Baru yang Terdapat Dalam Puisi Tradisional Tamil Malaysia	353
5.5	Cadangan Untuk Kajian Seterusnya	356
5.6	Kesimpulan	357
RUJUKAN		358
LAMPIRAN		369



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka Surat
-----------	------------

1.1 Senarai Buku-buku Kumpulan Puisi Tradisional Tamil Malaysia sebagai Sumber Premier Kajian	29
---	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI RAJAH

No.Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	66
3.2 Kerangka Teori	78
5.1 Pemikiran Rasionalisme Tanthai Periyaar	347
5.2 Pembahagian Diskriminasi Kasta	348
5.3 Pembahagian Kepercayaan Kolot	348
5.4 Pembahagian Martabat Kendiri	349



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

348



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV



TRANSLITERASI

Penggunaan transkripsi mana-mana dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

VOKAL

அ	:	a	உ	:	u	ஐ	:	ai
ஆ	:	ā	ஊ	:	ū	ஓ	:	o
இ	:	i	ஏ	:	e	ஓ	:	ō
ஏ	:	ī	ஏ	:	ē	ஔ	:	au

KONSONAN



க	:	k	ங	:	ṅ	ங்	:	y
ச	:	c	ஞ	:	ங	ஞ்	:	r
ட	:	t	ண	:	ந	ல்	:	l
த	:	t	ந்	:	n	வ்	:	v
ப	:	p	ம்	:	m	ழ்	:	l
ப்	:	r	ன்	:	ந்	ள்	:	l

HURUF SANSKRIT

ஜ	:	j	ஸ	:	s
ஷ	:	ṣ	க்ஷ	:	ks
ஹ	:	h			





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

**PENGENALAN** un
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Pada akhir abad ke-19, bermula kewujudan puisi dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Pada peringkat ini, puisi yang wujud adalah puisi tradisional. Puisi tradisional merupakan puisi yang dicipta berdasarkan hukum-hukum mengarang puisi yang digelar hukum *Yāppu* (Akilan,V.2002:96). Puisi-puisi terawal ini dihasilkan oleh masyarakat Tamil keturunan Sri Lanka yang kebanyakannya berkhidmat dalam sektor awam (Samikkanu Jabamoney. 2008:1). Puisi-puisi yang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



dihasilkan pada ketika itu bertemakan agama seperti kuil, ketuhanan dan perayaan-perayaan yang berkaitan dengan agama (Murasu Nedumaran. 1997:153-154).

Keadaan ini berubah pada awal tahun 1930-an, apabila seorang tokoh sosialis India bernama Tanthai Periyar berkunjung ke Tanah Melayu pada 20 Disember 1929 (Kavi. 2014:69-92). Beliau meybarkan pemikiran rasionalisme dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaya. Idea-idea beliau mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Justeru, karyawan-karyawan tempatan mula menghasilkan puisi tradisional mereka yang bertemakan pemikiran rasionalisme (Murasu Nedumaran. 1997:156).



1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, kesusasteraan Tamil telah mula wujud lebih kurang 130 tahun yang lalu (Murasu Nedumaran, 2007:153). Kesusasteraan Tamil Malaysia bermula dengan penerbitan antologi puisi tradisional yang pertama pada tahun 1887, apabila penghijrahan masyarakat Tamil dari India dan Sri Lanka ke Tanah Melayu (Murasu Nedumaran. 1997:147). Penduduk Tamil di Sri Lanka yang berpendidikan dibawa ke Tanah Melayu untuk berkhidmat di sektor awam, manakala penduduk Tamil dari India pula di bawa ke Tanah Melayu untuk berkerja di sektor perladangan (Samikkanu Jabamoney. 2008:1).





Golongan masyarakat Tamil dari Sri Lanka ini merupakan golongan terawal yang menyumbang kepada kemunculan puisi tradisional Tamil di Malaysia. Mereka menghasilkan puisi-puisi tradisional mereka dalam bentuk tulisan dan kemudian ia diterbitkan dalam bentuk buku. Puisi-puisi tradisional awal mereka bertemakan agama dan ketuhanan. Selain dari ketuhanan ada juga puisi yang bertemakan isu-isu semasa. Oleh sebab mereka berkerja di sektor awam dan taraf hidup mereka yang selesa, maka puisi-puisi mereka tidak menceritakan penderitaan, dugaan, cabaran dan sebagainya (Murasu Nedumaran. 1997:155).



Golongan masyarakat Tamil dari India, juga menyumbang kepada kesusastraan Tamil Malaysia. Mereka menghasilkan lagu-lagu rakyat. Disebabkan mereka tidak berpendidikan seperti masyarakat Tamil dari Sri Lanka, maka mereka tidak tahu menulis puisi-puisi tradisional yang dihasilkan berdasarkan lunas-lunas tatabahasa puisi yang dikenali sebagai *Yāppu*. Kebanyakan lagu-lagu ini menceritakan kisah yang menyebabkan mereka untuk berhijrah ke Tanah Melayu, keadaan di Tanah Melayu, kekecewaan yang dihadapi oleh mereka dan sebagainya (Murasu Nedumaran. 1997:148).

Selepas tahun 1946, wujudlah puisi-puisi tradisional Tamil hasil ciptaan penduduk Tamil keturunan India yang berkerja di sektor perladangan. Mereka yang menghasilkan puisi tradisional pada masa ini ialah generasi kedua masyarakat India di Malaysia. Mereka adalah masyarakat India yang lahir di Tanah Melayu dan





berpendidikan di Tanah Melayu. Golongan ini adalah golongan yang melepas pendidikan sekolah rendah darjah tujuh. Kebanyakan mereka yang melepas darjah tujuh mendapat peluang untuk mengajar di sekolah-sekolah Tamil di Malaya. Golongan pendidikan inilah yang menyumbang kepada kemunculan puisi-puisi tradisional Tamil Malaysia di negara ini. Oleh yang demikian, puisi-puisi mereka berlatar belakangkan Tanah Melayu (Murasu Nedumaran, 1997:147). Keadaan ini lebih jelas kelihatan apabila negara mula merdeka pada tahun 1957. Setelah merdeka kebanyakan karyawan menghasilkan karya-karya yang bertemakan isu-isu yang berlatar belakangkan negara Malaya mahupun Malaysia seperti, keadaan hidup masyarakat Tamil di ladang, cabaran-cabaran kehidupan, latar belakang masyarakat dan sebagainya (Sabapathi,V. 2015:45-46).



Beberapa akhbar Tamil muncul antara tahun 1946 hingga 1949. Sebelum tahun 1950, kebanyakan puisi yang dikeluarkan dalam surat khabar tempatan adalah puisi-puisi hasil karya penyair luar negara iaitu, dari India. Tetapi keadaan ini berubah selepas 1950, apabila masyarakat Tamil Malaysia keturunan India yang lahir di Malaysia dan berpendidikan di Malaysia mula menghasilkan puisi tradisional dan hasil karya mereka disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Akhbar-akhbar Tamil tempatan mendorong para penyair tempatan untuk menghasilkan hasil karya mereka. Sebagai contoh akhbar *Tamil Nesan* mengadakan program *Katai Vakuppu* yang melatih menulis cerpen, novel, drama, artikel serta puisi (Murasu Nedumaran. 1997:157-158).





Selain daripada itu, pertandingan sastera yang dianjurkan oleh akhbar Tamil terutama sekali akhbar *Tamil Muracu* pada tahun 1951 memberi semangat kepada para penyair tempatan untuk menghasilkan lebih banyak puisi tradisional (Murasu Nedumaran. 1997:157).

Penubuhan *Ilakkiya Vaṭṭam* oleh akhbar *Tamil Nesan* pada tahun 1955, bukan sahaja menyatu padukan para penulis Tamil tempatan, malah dapat meningkatkan kepakaran para penulis dalam bidang yang diceburinya. Selain daripada akhbar, majalah-majalah juga memainkan peranan penting dalam perkembangan puisi Tamil (Murasu Nedumaran. 1997:159).



Di samping itu, sambutan *Tamilar Tirunāl* yang diasaskan oleh Ko.Saranggabani pada tahun 1952 menjadi satu titik permulaan reformasi dalam bidang bahasa, bangsa dan keseniaan Tamil di Malaysia (Murasu Nedumaran. 1997:159). Anjuran *Tamilar Tirunāl* ini melahirkan beberapa penyair tempatan yang terkenal di Malaysia.

Selain daripada akhbar dan majalah, siaran radio juga banyak membantu melahirkan penyair dan puisi-puisi tempatan. Siaran radio tempatan yang bernama ‘Radio Enam’ mengadakan pelbagai program bagi memberi ruang kepada para karyawan tempatan untuk menyiar drama, cerpen, puisi dan beberapa lagi hasil karya mereka dalam radio (Murasu Nedumaran. 1997:167-168).





Persidangan Penyelidikan Tamil Antarabangsa pertama diadakan di Malaya pada 1966 dan Persidangan Penyelidikan Tamil Antarabangsa keenam diadakan di Malaysia pada 1987. Ucapan-ucapan tokoh bahasa dalam kedua dua persidangan ini memberi dorongan dan semangat bahasa kepada para penulis tempatan untuk menghasilkan hasil karya yang berkualiti (Murasu Nedumaran. 1997:168-177).

‘Persatuan Penulis Tamil Malaysia,’ ‘Pertubuhan Barathithasan’ ‘Persatuan Dravida Malaysia’ juga menganjurkan pelbagai program bagi membantu melahirkan karyawan-karyawan tempatan dan karya-karya yang berkualiti. Puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair tempatan pada ketika ini, bertemakan semangat bangsa, kebangsaan, tamadun Tamil, jurang perbezaan kasta, hak asasi, penderitaan warga pekerja ladang, keburukan arak dan sebagainya.



Pada 20 Disember 1929, Tanthai Periyaar dari India melawat ke Tanah Melayu. Beliau merupakan seorang tokoh rasionalisme di India. Nama sebenar beliau ialah E.V.Ramasamy. Beliau dilahirkan pada 17 September 1879 di Erode. Beliau merupakan anak kedua kepada pasangan ibubapa Vengkat dan Cinna Taaiy (Naara. Naachiyappan. 2008:1). Beliau diberi gelaran ‘Tanthai Periyaar’ yang bermaksud ‘Bapa yang disanjung tinggi’. (Tamilmani. 2012:255-256). Tanthai Periyaar merupakan seorang tokoh yang mendesak masyarakat supaya berfikiran rasional dalam apa jua situasi dan aspek. Beliau merupakan seorang tokoh yang menentang keras sistem diskriminasi kasta dan menekankan konsep ‘Martabat Diri’





(*self respect*) serta beliau berjaya membawa reformasi dalam kalangan masyarakat Tamil di Tamil Nadu (Tamil Mani-Sundra Vadivelu,N.T, 2012:185-189).

Konsep idea rasionalisme (digelar sebagai *Pakuttarivu* dalam bahasa Tamil) yang dicetuskan oleh Periyar berbeza dengan konsep idea rasionalisme di negara-negara barat. Beliau berada di Tanah Melayu selama 23 hari, iaitu dari 20 Disember 1929 hingga 11 Januari 1930. Pada 14 Disember 1954 Tanthai Periyar mengadakan lawatan kedua ke Tanah Melayu. Semasa lawatan kedua ini beliau berusia 76 tahun. Dalam kedua-dua lawatan ini beliau melawat beberapa tempat dari utara ke selatan seperti Alor Setar, Butterworth, Taiping, Ipoh, Kampar, Teluk Intan, Tanjung Malim, Kuala Kubu, Kuala Lumpur, Klang, Seremban, Port Dickson, Tampin, Melaka, Muar, Batu Pahat, Johor Bahru, dan Singapura (Kavi. 2014:69-92).

Tanthai Periyar melawat tempat-tempat tersebut untuk mengadakan perjumpaan dengan masyarakat setempat. Beliau memberi ucapan di setiap tempat yang beliau melawat. Dalam ucapan, beliau menyentuh tentang aspek-aspek rasionalis seperti mengkritik kepercayaan kolot, perbezaan jurang dalam sistem kasta, martabat diri, kepentingan pendidikan rasional, kepentingan pendidikan kepada warga kanak-kanak, hak wanita, perpaduan masyarakat Tamil, reformasi sosial, keburukan arak, kepentingan berjimat cermat dan sebagainya (Kavi. 2014:65-92).





Lawatan Periyaar ini, memberi banyak perubahan dan pembaharuan dalam masyarakat. Kesedaran rasional yang diperkenalkan oleh Tanthai Periyaar mula diserap dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Hasil daripada lawatan ini beberapa persatuan dan pertubuhan ditubuhkan. Antaranya ialah *Ciṅkappūr Tamilar Cīrttirutta Caṅkam* ditubuhkan pada 1932 dan *Malēciya Tirāviṭa Kalakam* ditubuhkan pada 1946 (Murasu Nedumaran. 2014:73). *Malēciya Tirāviṭa Kalakam* mempunyai beberapa cawangan di seluruh Malaysia (Kavi. 2014:94-100).

Selain daripada itu, sambutan menyambut ulang tahun kelahiran Tanthai Periyaar diadakan di Malaysia. Antara sambutan secara besar-besaran yang diadakan di Malaysia ialah sambutan hari jadi ulang tahun ke-62 yang disambut pada 1940.



Sambutan ini, diadakan di beberapa tempat seperti Muar, Melaka dan Ipoh.

Manakala sambutan hari jadi ke-79 disambut pada 29 Disember 1957 di Pulau Pinang. Dalam majlis ini, beberapa tetamu utama, bukan sahaja dari bangsa India tetapi dari bangsa lain di Malaysia juga mengambil bahagian dan memberi ucapan. Majlis berlangsung selama tujuh jam (Kavi. 2014:107-108). Manakala sambutan hari jadi ke-80 dan ke-81 diadakan di Singapura secara besar-besaran berserta dengan tarian , lagu, dan ucapan. Sambutan ini, dianjurkan oleh Persatuan Dravida Singapura (Kavi. 2014:109-111).

Sambutan dan ucapan-ucapan tentang pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar semasa sambutan ini, memberi kesan yang mendalam dalam kalangan





masyarakat Tamil Malaysia. Kesan ini dapat dilihat apabila penyair-penyair tempatan mula menghasilkan puisi-puisi mereka yang bertemakan aspek-aspek pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar. Antaranya ialah, mengkritik pemikiran kolot masyarakat Tamil, membantah keras diskriminasi kasta, amalan mewarisi pekerjaan nenek moyang, sistem janda serta menggalakkan perkahwinan semula, hak pendidikan serta hak mewarisi harta pusaka bagi kaum wanita dan sebagainya.

1.3 Permasalahan Kajian

Kepercayaan karut serta pengamalan sosiobudaya yang diamalkan oleh masyarakat

sezaman Tanthai Periyaar menyebabkan beliau mencetuskan dan memperluaskan pemikiran *Pakuttarivu* iaitu pemikiran rasionalisme.

Terdapat beberapa peristiwa yang menjurus kepada kemunculan pemikiran rasionalisme. Antaranya ialah golongan yang dikelaskan sebagai Sutra yang dianggap sebagai kelas yang bawah sekali dalam tangga hirarki (susun lapis) masyarakat tidak diberi peluang pendidikan. Hal ini menjadi satu peraturan yang tidak termaktub pada zaman tersebut. Semasa pemerintahan British, iaitu selepas 1800, bila disebut warga pendidik, masyarakat Brahmin sahaja terlintas dalam pemikiran semua masyarakat. Oleh yang demikian semua jawatan di sektor awam dikongkongi oleh golongan Brahmin (Aanaimuthu,V. 1974: xiii).





Golongan Sutra ini bukan sahaja tidak diberi peluang pendidikan, malah, mereka juga tidak dibenarkan menikmati beberapa kemudahan yang dinikmati golongan Brahmin. Keadaan ini dijelaskan oleh penulis bernama V.Aanaimuthu dalam bukunya yang berjudul '*Periyaar E.V.R Cinthanaigal*' seperti berikut:

“Golongan majoriti ‘Sutra’ yang dinggap golongan yang tidak boleh disentuh oleh golongan ‘Brahmin’. Oleh itu, golongan ‘sutra’ tidak dibenarkan masuk ke kawasan awam seperti kedai makanan, tempat mandi awam, kuil dan sebagainya. Selain daripada itu, golongan ‘Sutra’ juga tidak dibenarkan menikmati segala gala yang dinikmati oleh golongan Brahmin

(Aanaimuthu,V. 1974: xx).



Pallar dan *Paraiyar* (puak puak kecil dalam golongan Sutra) tidak dibenarkan menggunakan jalan-jalan khas, tidak dibenarkan memakai kasut atau selipar, tidak dibenarkan menggunakan kereta lembu untuk pergi ke sesuatu destinasi, tidak dibenarkan menggunakan payung, tidak dibenarkan menggunakan air perigi untuk tujuan mandi atau minum, tidak dibenarkan memakai kain di bawah paras lutut, tidak dibenarkan memakai kain yang dipanggil *Tuṇtu* di bahu, tidak dibenarkan menggunakan barang periuk yang dibuat daripada alumanium, tidak dibenarkan memakai barang-barang kemas, golongan Brahmin hanya membenarkan golongan *Pallar* dan *Paraiyar* membina rumah dengan menggunakan tanah liat dan juga rumah atap sahaja. Jenis rumah selain dari itu tidak dibenarkan (Aanaimuthu.V, 1974: xix).





Bukan setakat itu sahaja, golongan *Pallar* dan *Paraiyar* ini dianggap haram untuk dipandang oleh golongan Brahmin. Oleh yang demikian, semasa golongan Brahmin berlalu, golongan *Pallar* dan *Paraiyar* ini dipaksa beredar ke tepi dan menyembunyikan diri mereka sehingga orang Brahmin berlalu tempat tersebut. Selain daripada itu, memakai kain bagi menutup bahagian dada oleh golongan perempuan Sutra dianggap satu tanda kurang hormat terhadap golongan Brahmin. Oleh itu, sesetengah kaum perempuan golongan Sutra tidak dibenarkan memakai kain menutup bahagian dada (Aanaimuthu,V. 1974: xix).



Peristiwa-peristiwa sebegini memberi kesan yang mendalam kepada Tanthai Periyaar sehingga mendesak beliau untuk mencetuskan serta menghebahkan pemikiran *Pakuttarivu* atau pemikiran rasionalisme. Semua manusia yang dilahirkan di alam ini mempunyai hak yang sama rata, hak yang sama untuk menikmati segala kemudahan yang ada dalam dunia ini. Tiada sesiapapun mempunyai kuasa untuk mendiskriminasi kaum lain.

Cerita-cerita atau kitab-kitab yang menyatakan golongan Brahmin adalah golongan atasan manakala golongan Sutra adalah golongan hamba yang dilarang menyentuh adalah satu konsep yang perlu dipertikaikan (Navalan, 2012: 97-100). Oleh yang demikian, beliau menentang hebat semua kitab-kitab dan ajaran yang menekankan diskriminasi masyarakat dalam bentuk kasta. Beliau menggunakan idea pemikiran rasionalisme sebagai satu jentera untuk menghakis sistem kasta dan diskriminasi masyarakat ini.





Beliau menghebah dan memperluaskan pemikiran rasionalisme dalam kalangan Sutra supaya mereka boleh menyedar diri, menghargai martabat diri, berfikiran terbuka agar dapat menentang dan keluar dari sistem kasta ini. Pelaporan ini memberi kesan yang positif dalam kalangan masyarakat Sutra. Antara tindakan-tindakan drastik yang diambil oleh Tanthai Periyaar ialah, menyertai Parti Kongres dari 1919-1925 bagi mengutarakan dan memperjuangkan isu pembahagian hak mengikut kelas-kelas kasta (வகுப்புறிமை தீர்மானம்) terutama sekali 50% jawatan-jawatan utama dan peluang pekerjaan harus diberi kepada golongan bukan Brahmin. Malangnya, Parti Kongres tidak meluluskan perkara tersebut lalu mengetepikan isu tersebut.



Beliau kerap kali mengutarakan isu ini pada setiap kali persidangan Parti Kongres iaitu, pada tahun 1919 di Tiruchi, pada tahun 1920 di Tirunelveli, pada tahun 1921 di Tanjavur, pada tahun 1922 di Tiruppur, pada tahun 1923 di tiga kawasan iaitu Madurai, Tiruchi dan Selam, pada 1924 di Tiruvannamalai dan akhir sekali pada tahun 1925, di Kanjipuram. Setiap kali bila isu pembahagian hak mengikut kelas-kelas kasta itu diketengahkan oleh Tanthai Periyaar ianya diketepikan dan tidak diberi penekanan yang wajar. Dalam Persidangan Parti Kongres di Kanjipuram pada tahun 1925, Tanthai Periyaar sangat kecewa apabila isu pembahagian hak mengikut kelas-kelas kasta tidak diluluskan seperti tahun-tahun lepas. Maka beliau bangun dan berucap secara terus terang bahawa “Masyarakat Bukan Brahmin tidak akan mendapat manfaat di bawah Parti kongres ini. Tugas seterusnya saya adalah menentang dan menghapuskan Parti Kongres ini” lalu keluar





dari Parti Kongres pada hari yang sama bersama pengikut-pengikutnya (Aanaimuthu,V. 1974: xxi-xxii).

Seterusnya di Kerala (sebuah negeri bersebelahan negeri Tamil Nadu) di kawasan Thiruvangkur ada sebuah kampung yang bernama Vaikam. Di dalam kampung itu, golongan masyarakat kelas bawahan dilayan dengan teruk dan mereka tidak dibenarkan menggunakan laluan-laluan utama dalam kampung itu. Apabila mendengar berita ini, Tanthai Periyaar menjadi sangat kecewa dan marah lalu pergi ke Vaikam dan berjuang untuk hak asasi masyarakat tersebut. Kesan daripada itu, beliau pernah dipenjarakan sebanyak dua kali. Dalam perjuangan ini, isteri Tanthai Periyaar iaitu Nagammai berserta dengan beberapa orang wanita Tamil dan Malaiyalam turut terlibat. Perjuangan mereka yang tidak terhenti-henti ini akhirnya berjaya. Hak asasi golongan kelas bawahan dapat dipertahankan. Sempena kejayaan ini, Tanthai Periyaar digelar '*Vaikkam Virar*', yang bermaksud wira Vaikam (Nara Nachiyappan, 1999:15-18).

Tanthai Periyaar menerbitkan akhbar mingguan yang bernama *Kutiyaracu* yang bermaksud pemerintahan rakyat pada tahun 1927. Tanthai Periyaar dan beberapa penulis-penulis sosialis menyiaran artikel-artikel mereka dalam akhbar ini. Kebanyakan artikel ini, membincangkan dan mengkritik amalan dan kepercayaan kolot masyarakat yang diamalkan sejak berzaman-zaman. Akhbar ini bertindak sebagai jentera untuk menyebarkan prinsip Tanthai Periyaar dan pemikiran rasionalisme kepada rakyat jelata. Selain daripada itu, beliau juga mengeluarkan





akhbar mingguan bahasa Inggeris yang bertajuk *Revolt* pada tahun 1928 (ia hanya beroperasi selama dua tahun sahaja). Kemudian pada tahun 1934 beliau mengeluarkan akhbar mingguan dan akhbar harian bertajuk *Pakuttarivu*. Pada tahun 1935 beliau mengeluarkan akhbar bulanan bernama *Pakuttarivu* (Aanaimuthu,V. 1974: ixxxiv).

Tanthai Periyaar berpendapat bahawa salah satu cara menghapuskan sistem kasta ialah mengeluarkan gelaran kasta dari nama seseorang. Di India terutama sekali di Tamil Nadu penggunaan nama kasta (*Caste Title*) sebelah nama seseorang merupakan satu amalan yang diamalkan sejak beberapa tahun. Ia dianggap sebagai satu kebanggaan dan kewajipan. Tanthai Periyaar yang ingin menghapuskan sistem kasta ini, mula dengan diri sendiri. Sebelum itu, sehingga 18 Disember 1927 beliau di panggil sebagai ‘E.V.Ramasamy Nayakkar’ (Nayakkar merupakan gelaran Kasta) dalam akhbar beliau juga memaparkan nama beliau berserta gelaran kasta beliau. Akan tetapi, sejak 25 Disember 1927 Tanthai Periyaar mula menyiaran nama beliau sebagai ‘E.V.Ramasamy’ sahaja. Beliau tidak lagi menggunakan gelaran *Nayakkar* yang merupakan simbol kasta. Kesan dari peristiwa ini, ramai pengikut dan rakyat jelata mula mengeluarkan penggunaan gelaran kasta dari nama mereka (Aanaimuthu.V, 1974:xxix).

Tanthai Periyaar memandang serius terhadap amalan minum arak. Amalan ini boleh menyebabkan seseorang itu tidak dapat berfikir waras. Oleh itu, beliau membantah dan memberontak terhadap kedai-kedai minuman arak pada tahun 1921





dan pernah dipenjarakan. Pada masa yang sama juga, beliau menebang 500 buah kelapa di ladang kepunyaan beliau sendiri. Beliau bertindak sebegini kerana arak diperbuat daripada pokok kelapa. Prinsip beliau adalah jika hendak menghapuskan sesuatu, perlu hapus dari akar umbinya (Aanaimuthu,V. 1974:xxiv).

Tanthai Periyaar juga menentang kemasukkan bahasa Hindi ke Tamil Nadu. Golongan Brahmin ingin memperluaskan dan mewajibkan bahasa Hindi di Tamil Nadu. Jika keadaan ini berlaku sudah tentu penggunaan dan keutaaman yang diberi kepada bahasa Tamil akan terancam. Disebabkan bahasa adalah identiti sesuatu bangsa, maka Tanthai Periyaar menentang keras kemasukkan bahasa Hindi ke Tamil Nadu. Pada tahun 1938 Tanthai Periyaar mengadakan satu perhimpunan secara besar-besaran untuk menentang kemasukkan bahasa Hindi ke Tamil Nadu. Perhimpunan ini diadakan di Chennai dan Tiruvallikkeni (Aanaimuthu,V. 1974:xxvii & xxxv).

Tanthai Periyaar juga mengadakan lawatan ke Rusia untuk mengetahui bagaimana sistem sosialisme diaplikasikan dalam pemerintahan kerajaan Rusia. Kedatangan beliau dipelawa dengan segala hormat oleh Persatuan Ateisme Rusia dan Persatuan Pemuda Rusia dan beberapa pertubuhan. Tanthai Periyaar juga menyertai sambutan Hari Pekerja di Rusia. Semasa sambutan tersebut beliau diperkenalkan sebagai ‘Tokoh Ateisme dari India’ kepada masyarakat Rusia. Stalin yang juga seorang tokoh sosialisme di Rusia yang terkenal dunia turut memberi hormat kepada Tanthai Periyaar. Selain daripada Rusia, Tanthai Periyaar juga mengadakan lawatan





ke beberapa negara barat untuk mengetahui cara pemerintahan sosialisme. Antara negara yang dilawatinya adalah, Afrika (24-29 Disember 1931), Egypt (6-16 Januari 1932), Greece dan Turkey (19 Januari hingga 7 Februari 1932), Rusia (13 Februari hingga 1 Mei 1932), dan antara 1 June hingga minggu pertama Oktober 1932 melawat negara-negara England, Spain, German, Porrtugis dan France. (Aanaimuthu,V.1974:xxxiv)

Tantahi Periyaar juga menyuarakan dan memperjuangkan hak asasi wanita. Beliau menentang keras terhadap sistem menunaikan nazar anak perempuan di kuil yang kemudian membawa kepada sistem pelacuran (Aanaimuthu.V,1974:173-176). Selain daripada itu Tanthai Periyaar juga memperkenalkan ‘bayi tabung uji’ (test tube baby) pada 1943. Beliau percaya, dengan cara ini, wanita akan bebas dari sistem penghambaan keluarga, dimana wanita hanya dipandang sebagai mesin melahirkan bayi (Aanaimuthu.V,1974:Ixxxv).

Tanthai Periyaar membuat beberapa perubahan dalam tulisan Tamil. (Kulandaisamy.V.S, 2008:26) Perubahan ini membantu memudahkan proses pembelajaran, proses, menaip, dan proses mencetak buku. Perubahan dalam bentuk tulisan ini mula diamalkan dalam akhbar *Kuṭiyaracu* mulai 13 Januari 1935 (Aanaimuthu,V. 1974:xxxvii).





Persatuan Dravida (*திராவிட கழகம்*) ditubuhkan pada 1944. Sebelum itu, persatuan ini beroperasi dibawah nama *Tennintiya Nala Urimaic Cañkam* selama 25 tahun. Parti ini diwujudkan bagi menyuarakan kebijakan dan hak asasi masyarakat bukan Brahmin di Tamil Nadu (Aanaimuthu.V, 1974:551).

Sebagai tanda menentang diskriminasi kasta, Tantahi Periyaar membakar akta-akta kerajaan yang menyokong dan mempertahankan sistem kasta pada 26 November 1957. Dalam pemberontakan ini lebih kurang 10 ribu orang terdiri daripada ahli Persatuan Dravida, lelaki, wanita dan kanak-kanak mengambil bahagian. Sehubungan dengan itu, seramai 2884 orang diberi hukuman penjara selama dua bulan hingga tiga tahun di bawah Akta Pencegahan Perbuatan Penghinaan terhadap Martabat Negara '*Prevention of Insult to National Honour Act, 1957*' (Aanaimuthu.V, 1974:iii).

Pengikut-pengikut Tanthai Periyaar juga memperjuangkan idea Tanthai Periyaar. Antara pengikut yang utama ialah C.N.Annadurai. Setelah C.N.Annadurai menang dan menduduki jawatan Ketua Menteri, beliau mengiktiraf dan mengesahkan perkahwinan berkonseptan Martabat Diri (*சுய மரியாதை திருமணம்*) pada 28 November 1967. Dengan perlaksanaan sistem perkahwinan ini, peranan golongan Brahmin yang mengurus adat istiadat agama semasa upacara perkahwinan dapat disekat (Aanaimuthu.V, 1974:xxxxix).





Seorang lagi pengikut Tanthai Periyaar iaitu Kalainyar.Mu.Karunaaneethi yang memegang jawatan sebagai Ketua Menteri pula membawa beberapa perubahan berlandaskan idea Tanthai Periyaar. Antaranya ialah pada 12 Januari 1971, meluluskan akta yang membenarkan semua golongan bukan Brahmin untuk menjadi dan berkhidmat sebagai *Arcakar* (iaitu orang yang menguruskan segala jenis upacara adat agama di kuil). Sebelum ini, hanya golongan Brahmin sahaja dianggap golongan yang layak untuk menjalankan upacara agama dalam kuil. Disamping itu, langkah ini mengurangkan penghinaan terhadap golongan bukan Brahmin (Aanaimuthu.V, 1974:ixxxix).



Berikut adalah antara beberapa tindakan yang diambil oleh Tanthai Periyaar terhadap diskriminasi kasta, hak wanita, dan memartabatkan bahasa Tamil serta masyarakat Tamil. Isu diskriminasi kasta bukan sahaja dapat dilihat di India malah, juga dapat dilihat dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Disebabkan masyarakat Tamil Malaysia adalah berasal dari India, maka segala amalan, kepercayaan dan pemikiran yang diwarisi oleh nenek moyang mereka di bawa ke Tanah Melayu dan diamalkan di sini. Antara amalan yang paling jelas kelihatan ialah amalan diskriminasi kasta.

Diskriminasi kasta di Malaysia, berbeza dengan diskriminasi kasta di India. Di India golongan Brahmin dianggap sebagai golongan kelas atas, maka mereka mengkongkong semua bidang. Oleh yang demikian golongan bukan Brahmin di bawah pimpinan Tanthai Periyaar, menentang golongan Brahmin. Akan tetapi





keadaan di Malaysia berlain, di mana diskriminasi kasta berlaku antara kasta-kasta lain kecuali Brahmin.

Semasa masyarakat Tamil India di bawa ke Tanah Melayu mereka dibahagikan mengikut kelas kasta masing-masing. Kemudian mereka diberi tempat kediaman mengikut taraf kasta masing-masing (Murasu Nedumaran, 1997:62). Dengan cara ini, sudah mulalah diskriminasi kasta di Tanah Melayu.

Diskriminasi kasta juga dapat dilihat di tempat-tempat beribadat seperti kuil.

Dalam bukunya yang berjudul '*Vañcikkappaṭum Malēciya Tamilkkalvi, Pōrāṭum Makkal*' M.Varatharajoo menyatakan bahawa di Malaysia terdapat kuil-kuil khas untuk kasta-kasta tertentu. Selain daripada kuil, upacara keagamaan juga dijalankan secara berasingan di kawasan-kawasan yang dibahagikan mengikut kasta masing-masing (Varatharajoo,M.2008:181). Dalam satu artikel M.Manivellaiyan menyatakan bahawa, semasa upacara kuil-kuil ladang di kawasan Batu Tiga, pihak kuil tidak membenarkan golongan yang dianggap berkasta rendah memasak dan menghidang makanan (Tamil Mani,P.A, 2012:352).

Dalam sistem perkahwinan juga, keutamaan yang khas diberi untuk kasta. Iaitu dalam perkahwinan, semasa mencari jodoh untuk anak perempuan dan anak lelaki, ibubapa mencari dan mengkahwinkan dalam kasta yang sama. Mengenal pasti





dan menentukan kasta yang sama menjadi satu aspek terpenting dalam sistem perkahwinan agama hindu (Varatharajoo,M. 2008:181).

Di Malaysia sehingga kini, terdapat banyak persatuan kasta. Iklan-iklan dan berita-berita mengenai aktiviti atau program persatuan kasta ini sering dikeluarkan dalam akhbar-akhbar tempatan, terutama sekali dalam akhbar-akhbar Tamil Malaysia. Persatuan-persatuan ini juga mengadakan persidangan secara besar-besaran dan mengeluarkan buletin persatuan tersebut. Sebagai contoh, pada 11 dan 12 Ogos 2007 Persatuan *Mukkulattōr* telah mengadakan persidangan kebangsaan yang ke-10 di Pinang. Bekas Menteri India En.S.Tirunaavukkarasar yang juga merupakan seorang berkasta *Mukkulattōr* dijemput sebagai tetamu kehormat untuk persidangan tersebut. Seorang lagi penulis lagu filem Tamil bernama Vairamuthu yang juga berkasta sama turut menghadiri Persidangan Persatuan *Mukkulattōr* sebagai tetamu kehormat dalam persidangan yang sebelumnya. Pada tahun 2003, Persatuan *Mukkulattōr* Negeri Kedah menyambut ulang tahun Mutturamalinggam (salah seorang tokoh dalam kasta *Mukkulattōr*) yang ke-95, serta menerbitkan buletin tentang keangguhan kasta tersebut (Varatharajoo,M, 2008:183). Disamping itu, Persidangan Antarabangsa Kongu Tamil diadakan di Kuala Lumpur pada 23 Julai 2016. Datuk Seri Haji Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia merasmikan majlis ini (Makkal Osai 24/7/2016).





Akhbar-akhtar Tamil tempatan menjadi media utama untuk menyiaran berita-berita dan iklan-iklan persatuan kasta. Sebagai contoh, pada 27 April 2007 Akhbar *Makkal Ōcai* mengeluarkan berita tentang ‘Mesyuarat Agung Persatuan *Vanniyar Nalanapivirutti* Malaysia; pada 27 Oktober 2007 Akhbar *Malēciya Nanban* mengeluarkan berita bahawa kasta keturunan Mutturajah Selangor membuka pejabat khidmat dan upacara agama Maruthu Paandiyargal (salah seorang tokoh kasta) di adakan di Ulu Tiram; pada 15 Ogos 2007 Akhbar *Malēciya Nanban* mengeluarkan berita bertajuk ‘Pemberian dividen Koperasi Persatuan *Vanniyar*'; Akhbar *Tamil Nēcan* pula mengeluarkan berita pada 29 September 2006 bahawa ‘Mesyuarat Tahunan Persatuan Sambukula Sattiriyan Malaysia yang kedua; pada 31 Oktober 2007 Akhbar *Malēciya Nanban* menyiaran iklan upacara keagamaan anjuran kasta *Tēvar* dengan menggunakan lirik sebuah lagu filem yang menyentuh aspek-aspek kasta tersebut (Varatharajoo,M. 2008:183).

Diskriminasi kasta dapat dilihat di kawasan sekolah terutama sekali di dalam bilik darjah. Terdapat peristiwa-peristiwa yang mana guru memarah murid yang dianggap berkasta rendah dengan menggunakan gelaran kasta mereka. Sikap ini merebak dalam kalangan murid juga, yang mana murid memanggil murid yang lain dengan menggunakan gelaran kasta mereka. Ada juga guru-guru sekolah Tamil mendaftar dan menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan kerana mereka beranggapan bahawa anak-anak murid di sekolah Tamil yang diajar oleh mereka adalah berkasta rendah. Selain daripada bilik darjah, dalam aktiviti-aktiviti luar bilik darjah juga dapat melihat pengaruh kasta. Sebagai contoh semasa sukan tahunan,





pertandingan pidato, karnival kebudayaan, persatuan-persatuan kasta ini menawarkan diri untuk menyumbang sijil serta hadiah yang tercatat nama persatuan tersebut. Perbuatan-perbuatan sebegini akan meracuni pemikiran kanak-kanak. Terdapat juga ada kes yang mana guru besar dan pengurus PIBG tidak dapat bersatu dan berkerjasama dalam menjalankan program di sekolah, kerana berbeza kasta. Warga muda, lebih-lebih lagi pelajar institusi tinggi yang tinggal di kolej-kolej kediaman memilih kawan setelah mengenal pasti status kasta mereka. Suasana tersebut merupakan satu suasana yang sangat membimbangkan (Varatharajoo,M. 2008:179-184).



Selain daripada institusi pendidikan, perbezaan kelas kasta memberi kesan dalam sistem politik juga. Lebih kurang 25 tahun yang lalu Tan Sri M.G.Pandithan keluar dari Parti MIC dan menu buhkan Parti IPF kerana menu duh bahawa Dato Seri S.Samy Vellu menjalan politik kasta dalam partinya. Seorang lagi yang dikeluarkan dari Parti MIC iaitu, Muniandy dari Ampang juga mengeluarkan kenyataan bahawa menteri-menteri kabinet dan ahli dewan undangan yang berada dalam Parti MIC adalah saudara mara Dato Seri S.Samy Vellu dan hanya ahli parti kasta tertentu sahaja mendapat jawatan dan pangkat. Tan Seri M.G.Pandithan yang menu buhkan Parti IPF juga kemudianya memainkan politik kasta (Varatharajoo,M. 2008:180-182).





Kebanyakan orang memilih waris atau pengganti untuk jawatan yang mereka sandang dari kasta yang sama semasa meletak jawatan. Selain daripada itu, diskriminasi kasta jelas kelihatan semasa perlantikan pegawai pendidikan, perlantikan guru, pemberian bantuan biasiswa kepada murid miskin yang berkelayakan dan sebagainya (Varatharajoo,M. 2008:183).

Selepas kematian juga, aspek kasta diberi penekanan dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Terdapat satu peristiwa yang mana mayat seorang India yang dikatakan berkasta rendah yang telah ditanam di tanah perkuburan, digali semula dan ditanam di kawasan perkuburan yang lain. Perbuatan tersebut dilakukan kerana kawasan tanah perkuburan tersebut adalah khas untuk golongan berkasta tinggi. Peristiwa ini berlaku pada Januari 1971 di sebuah ladang kawasan Kuala Perai, Bukit Mertajam. Mendiang tersebut bernama N.Kaliyan, 80 tahun. Perbuatan ini dilapor kepada polis oleh anak mendiang yang bernama Ramachandran. Berita-berita tentang peristiwa ini keluar dalam surat khabar Tamil tempatan pada masa tersebut (Kavi, 2014:128-129).

Selain daripada peristiwa-peristiwa yang dinyatakan tadi, kita boleh lihat sejauh mana unsur-unsur kasta berakar kukuh ke dalam jiwa masyarakat Tamil di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui gelaran nama masyarakat Tamil Malaysia. Sebagai contoh, K.Ramanathan Chettiar (Bekas Presiden MIC), Paul Naidu (bekas Presiden Persatuan Telunggu Malaysia), Rena Pillai (seorang dermawan), Karu.Cithambara Pillai (seorang dermawan), R.S.Menon (Presiden Pencegah Samsu





Malaysia), Tambusamy Pillai (seorang sosiologist). Dalam senarai nama-nama tadi gelaran ‘Cettiar’, ‘Naidu’, ‘Pillai’, ‘Menon’ adalah gelaran kasta.

Maka jelas bahawa deskriminasi kasta yang diamalkan di India, di bawa ke Tanah Melayu dan diamalkan sehingga kini dalam semua aspek kehidupan. Dalam hal ini, lawatan Tantahi Periyaar ke Tanah Melayu sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1929 dan pada 1954 (Kavi,2014:64) memberi impak yang mendalam dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Pertubuhan Persatuan Dravida Malaysia, dan program-program dan ucapan yang diadakan sempena ulang tahun hari jadi Tanthai Periyaar di Malaysia memberi kesedaran rasionalisme kepada pemuda-pemuda dan penulis-penulis pada masa tersebut. Kesedaran rasionalisme Tanthai Periyaar dapat dilihat dalam beberapa hasil karya tempatan seperti antologi puisi Tamil Malaysia yang bejudul *Kalikāla Pācar Cintu, Navaraca Ānanta Cīrtirutta Kīta Malar, Camatuva Kīta Mañcari, Pārata Camatarma Kītam, Meiñāna Utayatīpam, Kavitai Malarkal, Camattuva Kītam* dan *Tamil Oli Kītam* (Samikkanu Jabamoney, 2008:38).

Oleh yang demikian, Pengkaji akan membuat kajian tentang pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar dalam puisi tradisional Tamil Malaysia. Melalui kajian pengkaji akan mengenal pasti pengaruh pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar dalam puisi tradisional Tamil Malaysia, menganalisis sebab penggunaan pemikiran tersebut dalam puisi tradisional Tamil Malaysia serta menghuraikan kesan penggunaan idea rasionalisme Tanthai Periyaar dalam puisi Tamil Malaysia.





Selain daripada itu, kajian tentang Tanthai Periyaar dan idea Periyaar merupakan kajian pertama di Malaysia. Didapati tiada kajian terdahulu tentang Tanthai Periyaar dan idea Tanthai Periyaar dijalankan di Malaysia. Pengkaji juga berharap tajuk kajian ini akan menjadi titik permulaan kajian tentang tokoh sosiolis Tanthai Periyaar oleh pengkaji-pengkaji pada masa akan datang.

1.4 Objektif Kajian

Pengkaji akan mengkaji kajian bertajuk ‘Rasionalisme Tanthai Periyaar dalam Puisi Tradisional Tamil Malaysia’ berdasarkan objektif-objektif berikut:



- a) Mengenal pasti pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar dalam puisi tradisional Tamil Malaysia.
- b) Menganalisis protes sosial yang dikemukakan oleh penyair-penyair melalui puisi tradisional Tamil Malaysia.
- c) Menghuraikan pemikiran baru yang disampaikan oleh penyair-penyair melalui puisi tradisional Tamil Malaysia.





1.5 Soalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:

- a) Adakah puisi-puisi tradisional Tamil Malaysia memaparkan pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar?
- b) Apakah protes sosial yang dikemukakan oleh penyair-penyair melalui puisi tradisional Tamil Malaysia?
- c) Apakah pemikiran baru yang disampaikan oleh penyair-penyair melalui puisi tradisional Tamil Malaysia?



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian adalah mengkaji sesuatu topik dari satu perspektif; mengenal pasti data yang nyata; memindahkan hasil maklumat itu dalam bentuk tulisan; menyediakan ia sebagai satu hasil yang berguna kepada masyarakat sezaman dan masyarakat akan datang. Sehubungan itu, hasil kajian pengkaji bertajuk ‘Rasionalisme Tanthai Periyaar dalam puisi tradisional Tamil Malaysia’. Juga diharap dapat membantu mereka yang membuat kajian terhadap Tanthai Periyaar dan ciri-ciri kehidupan masyarakat India Malaysia.





Melalui kajian ini, kita dapat mengetahui keprihatinan dan jasa-jasa Tanthai Periyaar terhadap masyarakat. Selain daripada itu, kita juga dapat melihat corak pemikiran dan pengamalan masyarakat India Malaysia sebelum tersebarnya pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar.

Tambahan pula, dapat membandingkan corak hidup dan corak pemikiran masyarakat India Malaysia sebelum dan selepas pengaruh rasionalisme Tanthai Periyaar. Oleh yang demikian, dipercayai bahawa kajian ini bukan sahaja menjadi rujukan kepada para siswazah dan pengkaji yang ingin mengkaji tentang Tanthai Periyaar dan corak hidup masyarakat India Malaysia, tetapi juga menjadi satu pendorong kepada para pengkaji yang ingin membuat kajian tentang topik-topik tersebut.



1.7 Batasan Kajian

Setelah mengkaji secara terperinci, pengkaji telah membataskan kajian ini kepada genre yang berbentuk puisi tradisional Tamil. Sebanyak sembilan buah kumpulan puisi tradisional Tamil Malaysia dipilih. Kesemua kumpulan puisi-puisi tradisional Tamil Malaysia ini diterbitkan dari tahun 1955-2015.





Pengkaji memilih puisi-puisi tradisional Tamil Malaysia yang diterbitkan selepas tahun 1955 kerana, pada tahun 1954 Tanthai Periyaar telah mengadakan kunjungan kedua ke Malaysia (Kavi, 2014: 90). Kunjungan kedua Tanthai Periyaar ini memberi impak yang sangat mendalam kepada masyarakat Tamil Malaysia. Selain daripada itu, buku-buku yang diterbitkan sebelum tahun 1955 tidak banyak ditemui. Oleh yang demikian pengkaji memilih kumpulan puisi tradisional Tamil Malaysia yang diterbitkan selepas tahun 1954.

Bagi kajian ini, pengkaji memilih sembilan buah buku kumpulan puisi tradisional yang dihasilkan oleh enam orang sasterawan tempatan. Pengkaji memilih hasil karya enam orang sasterawan ini kerana kesemua enam orang sasterawan ini terpengaruh dengan idea rasionalisme Tanthai Periyaar. Kesemua enam orang sasterawan ini bukan sahaja terima dan terpengaruh dengan idea rasionalisme Tanthai Periyaar ini tetapi mereka juga menghasilkan karya mereka terutamanya puisi-puisi tradisional mereka yang bertemakan idea rasionalisme Tanthai Periyaar . Hasil karya mereka iaitu puisi-puisi tradisional mereka membuktikan sejauh mana mereka menerima dan mempengaruhi dengan idea rasionalisme Tanthai Periyaar. Beberapa orang antara mereka juga menyertai Persatuan Dravida Malaysia yang menjunjung dan menyebarkan ideologi rasionalisme Tanthai Periyaar di Malaysia.





Jadual 1.1

Senarai Buku Kumpulan Puisi Tradisional Tamil Malaysia Sebagai Sumber Premier Kajian

Bil	Judul buku kumpulan puisi	Nama sasterawan	Tahun terbit	Bilangan puisi	Bilangan puisi dipilih
1.	<i>Cantānak Kiṇṇam</i>	A.Ulaganaathan	1966	78	7
2.	<i>Tīppori</i>	T.S.Ponnusamy (Teeppori)	1978	36	12
3.	<i>Kaṇal</i>	A.P.Tirumaalan	1979	40	16
4.	<i>Tamil Maravan Kavitaikal</i>	Tamil Maravan	1993	98	25
5.	<i>Kōmpāk Āru</i>	T.S.Ponnusamy (Teeppori)	1996	38	5
6.	<i>Iniya Vālkkai</i>	V.Kuppusamy (Kanimoli)	2000	28	5
7.	<i>Talaimurai</i>	T.S.Ponnusamy (Teeppori)	2009	43	11
8.	<i>Cintikkac Cinnāñ Ciru Pāṭalkal</i>	V.Kuppusamy Bainun (Kanimoli)	2009	62	5
9.	<i>Camutāyam</i>	M.A.Chandran	2011	56	16
JUMLAH				479	102

1.8 Sumber Kajian

Sesebuah kajian akan menggunakan beberapa sumber untuk penyelidikan. Pengkaji menggunakan sumber penyelidikan utama iaitu sumber premier dan sumber sekunder. Sumber premier dalam kajian ini adalah sembilan buah kumpulan puisi tradisional yang menggandungi 102 buah puisi tradisional. Kesemuanya dihasilkan oleh enam orang penyair tempatan. manakala sumber sekunder dalam kajian ini ialah





buku tentang Tanthai Periyaar, koleksi-koleksi artikel, tesis, artikel-artikel persidangan, majalah, artikel-artikel laman web, surat khabar dan sebagainya.

1.9 Definisi Konsep

Bagi memastikan perbincangan pengkaji selaras dengan objektif, beberapa kata frasa akan didefinisikan dan diuraikan dengan bantuan konsepnya. Berdasarkan tajuk kajian pengkaji, iaitu, ‘Pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar dalam puisi tradisional Tamil Malaysia’. Terdapat enam istilah yang perlu dikaji dan difahami dalam kajian ini. Istilah yang perlu dijelaskan dan diuraikan maksudnya dalam kajian ini adalah pemikiran rasionalisme, Tanthai Periyaar, puisi tradisional, masyarakat hindu, Masyarakat India dan masyarakat Tamil.

1.9.1 Rasionalisme

Merujuk Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2005:1292), daksi rasional membawa maksud alasan munasabah yang mendasari sesuatu tindakan, perbuatan atau pegangan. Manakala perkataan rasionalisme pula membawa maksud fahaman bahawa taakulan adalah asas yang paling baik dalam melakukan sesuatu tindakan, menyelesaikan masalah dan sebagainya.





Manakala menurut, Arunasalam, S. (1981:7) rasional membawa maksud dapat berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang kukuh dan akan dapat mengambil tindakan yang munasabah berasaskan pertimbangan yang sewajarnya.

Seterusnya menurut Ahmad Tafsir (2012:26), rasionalisme berasal dari perkataan bahasa Inggeris *rationalism*. Kata dasar perkataan ini ialah dari perkataan bahasa Latin *ratio* yang membawa maksud akal.

Manakala menurut Lecey, A. R (1999:232) pula, rasionalisme adalah akal yang merupakan sumber bagi pengetahuan dan kebenaran. Sementara itu, secara terminologi, aliran ini dipandang sebagai aliran yang berpegang pada prinsip berfikiran secara logik dan harus diberi keutamaan dalam penjelasan. Ia menggunakan akal budi (ratio) sebagai sumber utama pengetahuan, mendahului andaian semata-mata.

Menurut Elis dan Harper (1961), pemikiran rasional adalah berlawanan kepada pemikiran emosional, yang mana individu boleh menjalani kehidupan yang memuaskan, kreatif dan mempunyai tahap emosi yang memuaskan sekiranya boleh diajar untuk menyusun dan mendisiplinkan pemikiranya. Secara umumnya, rasional boleh didefinisikan sebagai menggunakan kognitif, emosi dan tingkah laku demi untuk mencapai kesempurnaan diri (*self fulfillment*) dan aktualisasi diri (*self actualization*).





1.9.2 Tanthai Periyaar

Menurut K.Veeramani (2005:4) dalam bukunya berjudul ‘*Tantai Periyār Parriya Cila Puraṭṭukalum Uṇmait Takavalkalum*’ menyatakan bahawa,

“Tiada seorang pun yang setanding dengan atau yang lebih hebat daripada tokoh rasionalisme Tanthai Periyaar. Beliau merupakan seorang tokoh yang menyumbang keseluruhan hayat untuk kepentingan sosial”



Manakala menurut Annathurai (2007:9-10), ‘tiada mana-mana negeri di India

mengalami pengaruh pemikiran rasionalisme kecuali Tamil Nadu. Masyarakat luar yang mendengar hal ini, berasa sangat hairan bagaimana perjuangan seorang boleh mendatangkan perubahan sebegini di Tamil Nadu’.

Seterusnya menurut Kalainyar Karunaneethi (2008:5), “Jika Periyaar tidak wujud di Tamil Nadu; jika masyarakat Tamil tidak mendapat khidmat dan sumbangan Periyaar; jika perjuangan beliau tidak dijalankan di Tamil Nadu; sudah tentu bangsa Tamil akan menjadi mundur. Tetapi kini kita boleh melihat ramai orang Tamil berkhidmat di pejabat-pejabat kerajaan, kebanyakannya ketua kampung adalah orang Tamil, terdapat juga beberapa pegawai daerah berbangsa Tamil di Tamil Nadu”.





Selain itu, menurut Maan (2004:3), “jika tiada suara dan penglibatan Periyaar, kemungkinan kaum Tamil kehilangan martabat. Jika pertubuhan *cuyamariyātai* tidak ditubuhkan oleh Periyaar, kemajuan yang dicapai dalam bidang pendidikan dan pekerjaan oleh kaum Tamil tidak dicapai”.

Menurut Aalavanthaar (1996:6), “Agama Hindu bagaikan sebuah bangunan yang dibina daripada batu-batan kasta. Tanthai Periyaar berusaha sepanjang hayat untuk menghapuskan kasta tersebut. Menghapuskan jurang perbezaan sosial ini bukan satu kerja yang mudah. Pemurnihan-pemurnihan peringkat kecil tidak akan membawa kepada perubahan dalam sosial masyarakat. Reformasi secara drastik sahaja boleh menjurus kepada perubahan dalam sistem sosial masyarakat. Falsafah Periyaar adalah satu falsafah yang jauh berbeza dari pandangan dan objektif masyarakat kini terhadap kehidupan. Pandangan dan objektif kehidupan dari perspektif Tanthai Periyaar adalah jauh berbeza dengan masyarakat kini”.

Menurut V.C.Kulandaisamy (2008:8) dalam bukunya yang berjudul ‘*Tamil Eluttuc Cīramaippu*’ menyatakan bahawa bahasa Tamil merupakan satu senjata yang sangat penting bagi mempertahankan identiti masyarakat Tamil. Jika tiada bahasa, maka tiadalah bangsa Tamil. Menyedari hal ini, Periyaar membuat beberapa pemurnihan dalam bentuk tulisan bahasa Tamil untuk mempermudahkan pembelajaran dan pengajaran. Pendekatan Periyaar dalam hal ini, mendapat sambutan dari kalangan para pendidik.





1.9.3 Rasionalisme Tanthai Periyaar

Tanthai Periyaar yang berjuang untuk hak asasi masyarakat Tamil telah membangkitkan pemikiran rasionalisme dalam kalangan masyarakat agar masyarakat Tamil tidak ditindas oleh golongan masyarakat lain dan bertindak waras dalam menghadapi segala kejadian dalam kehidupan mereka. Dalam hal itu rasionalisme Tanthai Periyaar boleh dibahagi kepada 10 aspek iaitu, diskriminasi kasta, kepercayaan kolot, menunaikan nazar/sistem pelacuran, sistem perkahwinan kanak-kanak, hak pendidikan wanita, hak mewarisi harta pusaka oleh wanita, konsep janda/amalan bakar diri, menafikan konsep ketuhanan, konsep martabat diri dan pemurnian dalam sistem tulisan Tamil.



1.9.4 Puisi Tradisional

N.V.Jayaraman dalam *Malēciyat Tamilk Kavitai Karuttaranika Malar* (1988:30) berpendapat:

“Permulaan sejarah Puisi Tamil di negara ini ialah pada 1887. Sejarah ini telah melepassi seabad, dan kini dengan megahnya melangkah ke abad yang kedua”

Vivekananthan (1998:12) mendefinisikan puisi sebagai luahan hati seorang penyair dengan kata-kata indah dan benar. Mengikut beliau, puisi yang berjaya ialah





puisi yang dapat menyampaikan hasrat hati penyair secara sempurna dalam jiwa pembaca. Beliau menambah, puisi merupakan luahan perasaan secara semula jadi bukan rekaan semata-mata.

Samikkanu Jabamoney dalam tesis Ph.D yang bertajuk ‘Pengaruh Ramayana Dan Mahabharata Dalam Puisi Tradisional Dan Sajak Moden Tamil Malaysia’ menyatakan bahawa, walaupun sukar untuk menentukan tahun wujudnya permulaan puisi tradisional yang menggunakan hukum *Yāppu* dalam bahasa Tamil, tetapi dipercayai mula digunakan lebih kurang lima ribu tahun dahulu. Ia terbukti apabila terdapat penerangan tentang hukum *Yāppu* yang sempurna dalam karya *Tolkāppiyam* yang dipercayai ditarikh pada kurun ke-3 (2008: 27 & 30).



1.9.5 Masyarakat Hindu

Hindu adalah agama tertua dan agama utama di negara India. Terdapat banyak Tuhan dalam agama Hindu. Masyarakat Hindu yang menganuti agama Hindu dipanggil sebagai Masyarakat Hindu. Masyarakat Hindu percaya bahawa kehidupan semula selepas mati (Taryn James & Frances Le Rou, 2006). Masyarakat Hindu merupakan masyarakat yang terpengaruh dengan sistem kasta dan upacara keagamaan. Masyarakat Hindu juga mengamalkan pelbagai cara penyembahan. Masyarakat Hindu terdiri dari pelbagai bahasa dan bangsa (Tamil Mani, 2005).





1.9.6 Masyarakat India

Masyarakat India adalah masyarakat yang berasal dari negara India. Majoriti masyarakat India yang berada di Malaysia adalah masyarakat yang berasal dari India selatan iaitu, bahagian Madras (Taryn James & Frances Le Rou, 2006). Masyarakat India ini datang ke Malaya pada sebelum pemerintahan British dan semasa pemerintahan British (Janakey Raman Manickam, 2011).

Sebelum pemerintahan British masyarakat India ini datang ke Malaya sebagai pedagang. Namun majoriti yang datang ke Tanah Melayu adalah semasa pemerintahan British. Kerajaan British yang menjajah Tanah Melayu membawa masuk masyarakat India selatan untuk berkerja di ladang-ladang getah. Sejak tahun 1800 hingga abad 21 ini, masyarakat India ini menyumbang dalam pelbagai bentuk untuk perkembangan Malaysia. Sumbangan masyarakat India terhadap Tanah Melayu dan seterusnya Malaysia adalah tidak terhingga (Janakey Raman Manickam, 2011).

1.9.7 Masyarakat Tamil

Masyarakat Tamil adalah masyarakat yang asalnya dari bahagian selatan India. Mereka ini memiliki bahasa Tamil sebagai bahasa Ibunda dan juga digelar sebagai bangsa Tamil. Masyarakat Tamil Ini mempunyai sejarah yang jauh dalam pelayaran.





Mereka berlayar jauh di atas laut untuk berdagang. Masyarakat Tamil ini kaya dengan sastera dan seni. (Taryn James & Frances Le Rou, 2006).

Selain dari itu masyarakat Tamil inilah yang membawa masuk budaya masyarakat India terutama sekali budaya Tamil ke Asia Tenggara. Hal ini kerana, apabila mereka berhijrah ke Asia Tanggara, mereka turut membawa adat budaya mereka dan menyebarkan budaya tersebut tersebar di Asia Tenggara. Kebanyakan mereka adalah beragama Hindu. Terdapat juga masyarakat Tamil di negara Sri Lanka. Ada juga masyarakat Sri Lanka ini yang bergama Buddha (Taryn James & Frances Le Rou, 2006).



40 buah negara di seluruh dunia (Kaliaperumal.K, 1997). Masyarakat Tamil ini mula berhijrah ke Tanah Melayu semasa pemerintahan British. Masyarakat Tamil yang dibawa masuk ke Tanah Melayu ini terdiri daripada masyarakat Tamil dari India dan juga masyarakat Tamil dari Sri Lanka. Masyarakat Tamil yang dibawa dari Sri Lanka ini berpendidikan tinggi. Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan peguam, doktor dan juga jurutera (Janakey Raman Manickam, 2011).





1.10 Kesimpulan

Dalam kajian ini, pengkaji bukan sahaja mengenalpasti pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar dalam puisi tradisional Tamil Malaysia. malah juga mengkaji faktor-faktor yang mendorong pencetusan dan penekanan pemikiran idea rasionalisme tersebut melalui puisi tradisional Tamil Malaysia. Pada masa yang sama juga pengkaji mengkaji apakah kesan-kesan penggunaan pemikiran rasionalisme Tanthai Periyaar dalam puisi-puisi tradisional Tamil Malaysia terhadap masyarakat Tamil Malaysia.



Kajian ini juga diharap dapat membantu para siswazah yang ingin buat kajian tentang Tanthai Periyaar ataupun kajian tentang corak hidup masyarakat Tamil di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga akan menjadi satu titik permulaan untuk pengkaji akan datang yang ingin membuat kajian tentang Tanthai Periyaar. Hal ini kerana, kajian ini adalah satu-satu kajian tentang Tanthai Periyaar dan tidak sesiapapun pernah membuat kajian tentang Tanthai Periyaar bagi peringkat sarjana dan doktor falsafah di Malaysia sebelum ini.

